

Hubungan Harmoni Bawa Limpahan Pembangunan Kepada Rakyat Sabah - Najib Bernama
16 Jun, 2012

KENINGAU, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata hubungan harmoni antara Sabah dan kerajaan persekutuan selama ini telah membawa limpahan pembangunan ketara dan rahmat kepada negeri itu dan seluruh rakyatnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata pemilihan tema sambutan Rumah Terbuka Malaysia Tadau Kaamatan tahun ini iaitu 'Harmoni 1Malaysia' amat tepat kerana ia menggambarkan limpahan pembangunan dan rezeki yang dinikmati Sabah melalui hubungan harmoni berkenaan.

"Yang lebih penting lagi, ini semua kerana apa, kerana kerajaan negeri Sabah dibawah pimpinan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman dan kerajaan pusat di bawah saya merupakan (ada) hubungan yang amat harmoni," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Rumah Terbuka Malaysia Tadau Kaamatan di Kompleks Sukan Keningau yang dihadiri kira-kira 15,000 penduduk Keningau.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Menurut Najib, Sabah kini pesat membangun dengan pelbagai projek pembangunan dilaksanakan di negeri itu termasuk pembinaan Pusat Konvensyen Anatarabangsa Sabah (SICC), projek Kluster Perindustrian Kelapa Sawit (POIC), projek akuakultur di Semporna dan projek baja urea di Sipitang.

Projek besar lain kata Najib ialah projek Pusat Ternakan Bersepadu Keningau di Sook bernilai RM763 juta yang akan menjadikan Keningau sebagai pusat pengeluar terbesar di Malaysia.

Najib berkata Gagasan 1Malaysia berupaya membawa keharmonian bukan sahaja antara kerajaan negeri Sabah dan kerajaan persekutuan tetapi juga antara semua rakyat berbilang kaum dan kepercayaan kerana 1Malaysia bukan sekadar toleransi tetapi lebih tinggi daripada itu ialah penerimaan perbezaan yang ada.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional akan terus berusaha memastikan limpahan rezeki yang diperolehi semua rakyat Malaysia hari ini akan terus melimpah untuk dinikmati rakyat dan keadaan itu akan dapat dikecapi jika rakyat dan kerajaan berada dalam ikatan yang harmonis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673604>